

Headline	Usaha YPPM-IPT majukan pondok		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	334 cm ²
AdValue	RM 5,080	PR Value	RM 15,240



Usaha YPPM-IPT majukan pondok



Dalam menjalankan misi dan usaha mencapai visinya, Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) mengadakan kerjasama dengan pelbagai institusi termasuk universiti. Misalnya kerjasama YPPM dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjalankan kaji selidik pondok di Kedah dengan bantuan Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDeC).

Matlamatnya ialah untuk memperoleh data empiris, antara lain, berhubung kemudahan dan perkhidmatan, pengurusan, keperluan prasarana, kurikulum dan lain-lain perkara asas. Maklumat ini akan diproses secara saintifik oleh penyelidik dan kumpulan akademik UUM, yang bakal berguna untuk ketiga-tiga pihak. Kajian yang akan bermula bulan ini dijangka siap sebelum Ramadan.

Ia akan menjadi *template* kepada kajian yang sama meliputi seluruh negara. Bagi YPPM, maklumat yang terkumpul dan dianalisis ini akan menjadi asas kepada penerbitan buku dan direktori pondok baharu yang bakal diterbitkan pada 2015.

Waktu ini, beberapa pensyarah UUM dan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) sedang menyiapkan laporan lengkap hasil perbincangan panel serta pandangan yang diberikan oleh peserta dan hadirin Ijtimak Pondok Malaysia yang baharu selesai dua minggu lalu di Alor Setar. Pasukan pelapor yang diketuai Prof Madya Dr Mohamed Amin Hj Abdul Rahman Al-Jarumi dijangka membuat pembentangan kepada Lembaga Pengarah YPPM di kampus Kuin Kuala Ketil pada 15 Mei. Laporan

ini berserta kertas kerja yang telah dibentangkan dan resolusi ijtimak akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, yang juga Penaung YPPM dalam satu majlis khas dengan warga pondok pada Ramadan nanti.

Selain UUM, pihak yayasan juga mengadakan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Nilai, Negeri Sembilan. Bidang diterokai ialah penempatan pelajar pondok yang berkelayakan untuk meneruskan pelajaran mereka dalam pelbagai bidang agama di universiti tersebut. Semasa merasmikan penutupan ijtimak pondok, Najib telah mengumumkan tempat untuk 50 pelajar pondok di universiti tempatan mulai sesi pengajian 2015/16 dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

YPPM menghargai pembabitan Naib Canselor Prof Datuk Dr Asma Abdullah dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Dr Adnan Mohamed Yusoff, yang turut menawarkan kepakaran penyelidik Usim untuk menjadikan institusi pondok sebagai Pusat Komuniti Pendidikan Islam Sepanjang Hayat.

Dalam pertemuan singkat di ijtimak, saya cukup teruja diberitahu oleh Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) Prof Datuk Dr Zakaria Kasa bahawa universiti tersebut dalam rangka memperkenalkan kursus pengajian pondok. Jika direalisasikan, Upsi menjadi universiti pertama di Malaysia yang menawarkan kursus ini. Kebetulan, saya baharu menerima jemputan daripada Upsi untuk memberi ucap tahniah dan merasmikan Perbincangan Meja Bulat pada 22 Mei nanti di Dewan Konvensyen, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Upsi.

Inisiatif UPSI, yakni sebulan selepas ijtimak pondok anjuran

YPPM, berupa momentum yang memberi impak kepada usaha memartabat dan memperkasakan institusi pondok. Dianjurkan dengan kerjasama Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara, saya yakin perbincangan meja bulat ini akan mencapai objektifnya untuk melihat kekuatan pondok ditegakkan dari segi tradisi, kepentingan transformasi dan kesinambungannya melalui penerapan elemen terkini dalam bidang ilmu dan teknologi.

Panel pembentang dan perbincangan terdiri daripada guru dan mudir pondok, tokoh akademik dan cendekiawan agama yang akan berkongsi pandangan dan pengalaman mereka. Objektif mereka ialah untuk memastikan institusi pondok terus kekal dan relevan dalam sistem pendidikan negara dan pembangunan modal insan dalam bidang agama. Prof Madya Dr Luqman Abdullah (Ahli Lembaga Pengarah Pusat Pembangunan Sekolah Pondok Lubuk Tapah, Kelantan), Prof Dr Ismail Lutfi (Rektor Universiti Patani), Dr Muhammad Rahman (Institut Agama Islam Negeri Al-Raniry, Aceh) dan Dr Hamid Fahmi Zarkasyi (Pesantren Moderen Gontor, Ponorogo, Indonesia) telah menyatakan kesediaan untuk membentang kertas kerja di sesi ini.

Timbalan Naib Canselor Upsi Prof Dr Omar Abdul Kareem, Pengarah Akademi Pendidikan Prof Datuk Dr Hassan Basri bin Awang Mat Dahan dan Pengarah Pusat Islam Upsi Dr Ibrahim Hashim akan berperanan sebagai moderator perbincangan. Saya yakin dengan penyertaan tokoh-tokoh pondok dan akademik yang hebat, perbincangan meja bulat ini akan memberi hasil yang cukup baik dan kritikal untuk memaju dan membangunkan institusi pondok di negara kita.